

Projek MRT jana ekonomi negara

Program Offset KVMRT sumbang RM3.53 bilion, bantu jana modal insan

KUALA LUMPUR - Program Offset Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) bagi laluan Sungai Buloh-Kajang di bawah pakej pampasan ekonomi dijangka menyumbang kira-kira RM3.53 bilion kepada ekonomi negara.

Program tersebut melibatkan enam kontraktor pakej projek yang terlibat dengan pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang.

Menerusi program itu, tenaga kerja yang terlibat dengan projek tersebut termasuk pelajar dari universiti tempatan akan diberikan latihan oleh kontraktor-kontraktor terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, sumbangan tersebut akan memberi manfaat kepada lebih 50 syarikat tempatan dari segi pembangunan modal insan.

“Program offset itu merupakan usaha unik bertujuan merancang pembangunan perindustrian dan teknologi tempatan di samping menyediakan projek kepada syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang sesuai dengannya,” kata beliau.

Azhar berkata demikian kepada pemberita selepas majlis permieterian program offset itu oleh enam kontraktor pakej projek dengan MRT Corp. secara kerjasama dengan Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) yang akan menyelia pengambilan calon.

Enam syarikat tersebut ialah Konsortium Siemens-SMH Rail, MMC Gamuda, Bombardier JV, Konsortium Siemens-Hisniaga, Meidensha Corp. dan Mitsubishi Heavy Industries Ltd.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Might, Mohd. Yusoff Sulaiman.

Mengikut perjanjian itu, selain menyediakan perkhidmatan atau mesin yang perlu bagi projek MRT, program tersebut akan merangkumi tujuh bahagian kepentingan iaitu reka bentuk dan pembangunan, pembangunan modal insan, akses pasaran global, pakej kerja tempatan, pelaburan, pembuatan bahagian-bahagian dan komponen serta pemindahan teknologi.

Program Offset KVMRT itu dijangka melibatkan sebanyak 32 projek dan beberapa projek sudah bermula dengan penglibatan 30 kakitangan MRT Corp. yang menjalani latihan berstruktur dengan Siemens dalam pelbagai disiplin sistem dan teknologi rel dalam tempoh 36 dan 60 bulan di Malaysia, Austria dan Jerman.



AZHAR (dua dari kanan) beramah mesra dengan kontraktor-kontraktor utama dalam projek MRT di Kelab Golf & Country Kuala Lumpur semalam.